

TARIKH	21 / 04 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	59.	RUANGAN	

# Kes kematian Mers meningkat

Dua ekspatriat meninggal dunia di Saudi, lima lagi dijangkiti virus pembawa maut itu

**JEDDAH** - Angka kematian akibat jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers) di Arab Saudi dilaporkan meningkat selepas dua ekspatriat berumur 44 dan 64 tahun meninggal dunia di sini, menurut Kementerian Kesihatan, kelmarin.

Kementerian itu memaklumkan, lima lagi pesakit termasuk dua petugas perubatan warga asing berumur 54 tahun turut dijangkiti virus pembawa maut tersebut.

Jumlah kematian akibat Mers di Saudi kini mencecah 76 orang dan sebanyak 231 kes jangkitan telah dilaporkan sejak virus misteri terbabit pertama kali dikenal pasti di timur negara tersebut pada 2012.

Kebimbangan berhubung penularan Mers dalam kalangan kakitangan perubatan di

## INFO

### Tanda-tanda jangkitan Mers:

- Demam panas
- Kesukaran bernafas
- Muntah-muntah dan cirit-birit

\*\* Masih tiada vaksin untuk merawat Mers

Jeddah semakin meningkat pada awal bulan lalu hingga menyebabkan unit kecemasan di sebuah hospital utama terpaksa ditutup secara sementara.

Rabu lalu, sekurang-kurangnya empat doktor di Hospital King Fahd meletak jawatan selepas mereka enggan merawat penghidap Mers kerana khawatir akan dijangkiti virus berbahaya berkenaan.



Kebanyakan kakitangan perubatan di Saudi kini terdedah dengan jangkitan Mers.

Sementara itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan, sebanyak 93 kematian dicatatkan daripada 243 kes jangkitan Mers di seluruh dunia.

Selain itu, penyelidikan terbaharu menunjukkan unta sebagai penyebar utama Mers kepada manusia kerana virus itu didakwa telah berada dalam sel haiwan berkenaan sejak 20

tahun lalu.

Sementara itu, pihak berkuasa di Filipina memberitahu bahawa mereka sedang mengambil langkah berjaga-jaga selepas seorang jururawat war-

ga tempatan yang pulang dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) disahkan positif Mers.

Difahamkan, seramai 119 daripada 418 penumpang yang sama-sama menaiki pesawat Etihad Airways dengan pesakit itu telah menjalani ujian dan 40 daripada mereka bebas jangkitan Mers.

Setiasaha Kesihatan, Enrique Ona berkata, mereka kini sedang berusaha mengesan baki penumpang bagi melakukan pemeriksaan lanjut sebagai langkah untuk mencegah penularan virus berbahaya tersebut.

Dalam perkembangan lain, Malaysia turut berwaspada untuk mengelak sebarang kemungkinan selain memantau tahap kesihatan jemaah umrah yang pulang dari Saudi. - AFP